

KERATAN AKHBAR

BERITA HARIAN

TARIKH 14 BULAN Mac TAHUN 2024



Antara peserta wanita dari UMT sedang menjalani latihan sukan pelayaran.

BT 14/3/24 ms 23

Semakin ramai wanita meminati sukan pelayaran

Ramai peserta berminat sertai acara perlukan stamina tinggi, mental stabil

Oleh Tuty Haryanti
Ahmad Rodzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Sukan pelayaran bukan sesuatu yang baharu dalam kalangan rakyat Malaysia, malah ramai yang sudah menempa nama di persada antarabangsa termasuk membabitkan peserta wanita.

Jika dilihat, sukan itu tidak terlalu popular berbanding sukan lain mungkin membabitkan air dan perlu berada di lautan, menjadikan takut serta rasa kurang selamat.

Pengarah Pusat Latihan Pelayaran Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Mohd Hafizi Said, berkata sejak pusat latihan itu ditubuhkan pada 2019, jumlah pelajar yang menyertai sukan itu sudah mencecah sehingga 200 orang dengan penekanan dalam asas ilmu pelayaran, lanjutan ilmu pelayaran dan asas kejurulatihan pelayaran.

"Namun, menariknya kira-kira 50 peratus pelajar pada setiap semester yang mengambil kursus ini adalah pelajar perempuan.

"Ini jelas menunjukkan wanita semakin berani dalam dunia sukan lasak kerana sukan ini bukan sahaja memerlukan stamina yang tinggi, tetapi juga mental yang stabil," katanya.

Mohd Hafizi berkata, bagi mereka yang menunjukkan minat dan komitmen dalam sukan berkenaan akan berpeluang menyertai banyak pertandingan pelayaran di dalam dan di luar negara.

Katanya, dalam Kejohanan Kapal Layar Kingdom Fleet & Match Race Event yang diadakan pada Disember lalu di Bahrain Sailing Club, Al Jazeera Beach, Zallaq, Kingdom of Bahrain, membolehkan pasukan pelayaran UMT mendapat dua pingat.

"Pasukan Pelayaran UMT yang mewakili Malaysia, berjaya mendapat tempat kedua dalam Match Race dan tempat ketiga dalam Fleet Race.

"Pasukan ini terdiri daripada empat orang, iaitu Mohd Saifullah Mohd Esa, Mohd Faris Aiman Basri, Nur Ainul Izzati Zil Husham dan Nur Zulaikha Mohd Zafarin.

"Ini satu pencapaian amat membanggakan kerana pasukan kami bukan sahaja mewakili Malaysia tetapi juga ASEAN," katanya.

Beliau berkata, kejohanan yang turut pernah pasukan itu sertai sebelum ini termasuk Kejohanan

19th Royal Langkawi International Regatta pada tahun lalu.

Wanita berkemahiran di laut

Katanya, pasukan mereka terdiri daripada wanita berjaya memperoleh tempat ketiga dalam kejohanan itu.

"Walaupun latihan yang diberikan kepada semua pelajar adalah sama tetapi dapat dilihat pelajar wanita sekarang ini sudah semakin berani menyertai sukan lasak.

Malah, jika dilihat, rata-rata mereka lembut namun mempunyai kekuatan dan keyakinan diri yang tinggi dalam mengharung segala cabaran dalam sukan ini.

"Seperti kita tahu, sukan ini memerlukan setiap orang untuk

mempunyai keyakinan dan kemahiran yang tinggi dalam mengendalikan kapal layar kerana tidak mudah untuk menyertai sukan ini terutama apabila berhadapan dengan ombak dan angin yang tidak menentu," katanya.

Justeru, wanita yang berhasrat menyertai sebarang sukan lasak, jangan ragu-ragu untuk mengambil langkah untuk sertai.

Katanya, ini kerana sukan itu terutama membabitkan air mampu meningkatkan daya tahan mereka, selain memberikan keyakinan tinggi terutama ketika berhadapan dengan air.



Mohd Hafizi Said